

# Kemudi rumah tangga cara Nabi

**A**PABILA golongan muda berjinak-jinak dengan masjid dan sentiasa hadir mendengar kuliah dan tazkirah perihal agama, mereka akan melontarkan pelbagai pandangan dan persoalan sehingga ada persoalan yang diutarakan itu belum pernah dibincangkan oleh ahli-ahli fatwa sebelum ini.

Dr Izhar yang mengajar bab fikah di sebuah masjid di Putrajaya, didatangi ramai anak muda yang bertanya bermacam soalan. Padinya, soalan mereka agak menarik dan sesuai dengan keadaan masa kini. Jadi gabungan orang muda dan 'lama' mampu memberikan impak yang positif bagi melahirkan masyarakat mesra masjid.

"Jika hanya orang tua yang datang ke masjid sedangkan orang muda duduk di rumah, bagaimana mereka mahu mewujudkan rumah tangga yang membahagiakan? Akibatnya banyak hukum-hakam tidak tahu," katanya.

## BANYAK PERKARA SYUBHAH

Faktor pertama yang boleh dikaitkan dengan keruntuhan rumah tangga disebut oleh seorang profesor hebat bidang kekeluargaan (bab pendidikan awal kanak-kanak), Syeikh Aaidh Ibn Abdullah Al-Qarni.

Syeikh Aaidh Ibn Abdullah Al-Qarni mengatakan rumah tangga orang Islam bergolak kerana terdapat banyak perkara syubhah (maksiat) di dalam rumahnya seperti buku dan majalah lara serta gambar-gambar artis yang tidak menutup aurat.

Dr Izhar yang juga pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) memberitahu, malaikat rahmat tidak akan masuk ke dalam

rumah yang di dalamnya terdapat gambar yang tidak menutup aurat, termasuk meletakkan gambar isteri yang mana ketika itu tidak memakai tudung juga tidak digalakkan. Pengumpulan bahan bacaan tidak berfaedah juga tidak sepatutnya ada di dalam rumah.

"Perlu diingat ayat al-Quran pertama yang ALLAH SWT turunkan kepada Nabi SAW adalah Ikra' (bacalah), tetapi kita kumpul bahan bacaan yang tidak mendatangkan apa-apa faedah, sebaliknya mendatangkan fitnah. Bahan bacaan sedemikian langsung tidak bermanfaat dan membazir. Kita lihat, rumah ulama di negara kita misalnya Datuk Harun Din, Mufti Wilayah Persekutuan; Dr Zulkifly Al-Bakri terdapat banyak buku ilmiah, hampir

memenuhi sebahagian rumah mereka. Itulah yang melahirkan anak generasi khaira ummah, anak semua berjaya.

"Kalau kita terlampau berkira untuk melaburkan sedikit duit dengan membeli buku-buku ilmiah, maka rumah tangga kita akan sunyi dan suram tanpa cahaya. Kalau kita rasa dalam rumah tangga terdapat banyak perkara syubhah seperti patung, gambar dan majalah serta buku yang lara, maka buanglah demi untuk mencapai rumah tangga yang mawaddah wal rahmah," kata anak kelahiran Selangor ini lagi.

Bagaimanapun katanya, bagi barang mainan kanak-kanak seperti patung *Ultraman*, *Iron Man*, patung beruang, tidak menjadi masalah untuk disimpan.

"Sebagai seorang suami, pastinya hati bahagia apabila setiap kali pulang dari mencari rezeki, isteri dan anak-anak menyambut kepulangan dengan senyuman. Itulah yang kita inginkan," katanya

## HINA SYARIAT ISLAM

Punca kebahagiaan tidak ada dalam rumah tangga apabila ada suami, isteri atau anak yang menghina syariat ALLAH. Kita lihat berapa ramai orang Islam yang menjadikan Islam sebagai cara hidup. Segelintir wanita di luar sana apabila ditanya kenapa memakai tudung bukan kerana suruhan ALLAH dan Nabi SAW, sebaliknya kerana ikut fesyen.

Beliau menegaskan, nak ikut syariat perlu betul-betul, jangan main-main. Ia bukan amal yang mana rasa mahu, diamalkan dan ditinggalkan yang mana rasa payah. Syariat itu adalah arahan ALLAH.

"Saya pernah berhadapan dengan kes di mana seorang isteri mengadu kepada saya untuk memohon cerai daripada suaminya. Ceritanya begini, setiap kali dia mahu mengejutkan suaminya untuk solat Subuh, suaminya akan bangun tetapi bukan untuk bersolat, sebaliknya menamparnya. Si isteri sudah tidak tahan kerana sepanjang perkahwinan mereka jarang sekali dia lihat suaminya bangun solat Subuh.

"Terkejut saya baca kisah wanita itu. Apa yang dapat saya simpulkan rumah tangga yang ketuanya tidak menjaga solat adalah seperti menghina suruhan ALLAH. Solat itu tiang agama, jika tiangnya tidak kita tunaikan maka runtuhlah agama itu," ujarnya.

Dr Izhar berkata, alangkah cantiknya dalam sebuah rumah tangga itu, apabila keluarga itu (suami, isteri dan anak) berjalan beriringan ke masjid. Pemandangan itu terlalu sukar untuk dilihat di negara kita, sedangkan itu adalah pemandangan biasa di negara Arab, satu keluarga berjalan ke masjid untuk berjemaah.

"Ingatlah, hidayah itu adalah milik ALLAH,

KAEDAH TERBAIK ELAK KEPINCANGAN DALAM GERBANG PERKAHWINAN

untuk mendapat hidayah daripada-Nya kita yang perlu berusaha. Jadi jangan tinggalkan syariat ALLAH demi mencapai syurga abadi," katanya kepada *Rehal*.

## TIDAK HORMAT ULAMA

Jika dilontarkan soalan mengenai ulama-ulama terulung Islam dan agamawan dalam negara kita, agaknya ramai tak yang berpusu-pusu angkat tangan untuk jawab soalan itu?

"Saya rasa tidak ramai, kerana antara punca pincangnya rumah tangga disebabkan kurangnya ilmu mengenai ulama ulung Islam. Sepatutnya, kita kena kenal siapakah mufti di negeri itu, siapakah tokoh dalam bidang perubatan, contohnya siapakah dia Abu Hurairah dan bermacam ilmu lagi.

"Ini tidak, perihal selebriti tersimpan kemas dalam kotak minda kita, tanya sahaja artis tu lahir kat mana, asal mana semua ada jawapan. Sedih, sungguh sedih. Ibu bapa perlu mendidik anak-anak mereka mengenai tokoh-tokoh ulung Islam ini dan bukan sebaliknya," katanya pada akhir bicara.

Kesimpulannya, tinggallah perkara yang boleh membuatkan rumah tangga yang pada awalnya dibina dengan cinta dan kasih sayang tetapi di pertengahannya suram dan sunyi tanpa syariat Islam, dan akhirnya hanya perpisahan yang berlaku. Ikutlah kaedah yang ditinggalkan Baginda SAW kerana Baginga adalah yang terbaik!



Layarilah rumah tangga berlandaskan sunnah Baginda SAW.



Rumah tangga yang penghuninya menghina syariat ALLAH tidak akan aman.